

Mufti Johor: Seminar pengukuhan akidah tidak libatkan politik
The Malaysian Insider
31 Mac, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 31 Mac — Mufti Johor Datuk M. Tahrir Kiai Samsudin hari ini berkata seminar berkaitan pengukuhan akidah Islam yang diadakan untuk guru agama di seluruh negeri Johor tidak melibatkan mana-mana parti dan ideologi politik.

Berucap ketika seminar bertajuk “Pemantapan Aqidah, Bahaya Liberalisme dan Pluralism Terhadap Umat Islam. Apa Peranan Guru?” beliau berkata, seminar tersebut adalah baik untuk pengajaran dan pembelajaran agama.

Mufti tersebut dipetik The Star Online berucap di hadapan kira-kira 300 guru agama di Johor yang sebelum ini menimbulkan kontroversi berikutan ancaman Kristianisasi.

Tajuk seminar tersebut telah diubah dengan menggugurkan perkataan “ancaman Kristianisasi” kepada “Apa peranan guru agama dalam memantapkan akidah?”

Seminar tersebut turut dihadiri daripada guru agama dari sekitar Pasir Gudang, Johor Baru, Kulaijaya dan Pontian serta dikendalikan oleh Ustaz Rashidy Jamil Muhammad Al-Rashid di Jabatan Pelajaran Johor.

Antara lain, seminar berkenaan turut membincangkan berkenaan susur galur perjalanan Nabi Muhammad, asas keagamaan, dan membandingkan ayat-ayat Bible dan Al-Quran.

Seminar berkenaan yang dianjurkan atas kerjasama Jabatan Pelajaran dan Jabatan Mufti Johor telah menimbulkan reaksi negatif daripada komuniti Kristian kerana tajuknya yang mengundang kontroversi.

Menurut Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa), kerajaan Johor telah tunduk kepada “tekanan politik” melalui penukaran tajuk seminar “anti Kristianisasi.”

Pertubuhan NGO Melayu ini berkata keputusan Jabatan Mufti dan Jabatan Pelajaran Johor menukar tajuk seminar tersebut tidak akan mengubah fakta bahawa gerakan Kristianisasi itu berlaku.

Setiausaha Agung Perkasa Syed Hassan Syed Ali kepada The Malaysian Insider kumpulannya tidak bersetuju dengan penukaran tajuk seminar tersebut, tapi jelasnya, beliau memahami keadaan itu mungkin berlaku disebabkan tekanan politik.

Syed Hassan turut mempersoalkan kenapa organisasi seperti Majlis Peguam tidak mempertahankan hak kerajaan negeri untuk menganjurkan seminar tersebut, dan menuduh mereka bersikap hipokrit kerana membisu berkenaan perkara itu.

Penganjur seminar “anti Kristianisasi” untuk guru agama di Johor telah menukar tajuk seminar kerana menerima tekanan daripada kumpulan bukan Muslim lapor Benama Online semalam.

"Seminar itu hanya bertujuan untuk mengukuhkan akidah umat Islam dan tidak perlu dipolitikkan oleh mana-mana parti dan mendakwa seminar itu ancaman kepada agama lain," kata Datuk Maulizan Bujang, exco pendidikan dipetik Bernama Online.

Namun begitu, pegawai di Jabatan Mufti Johor telah berkata walaupun tajuk seminar itu diubah, isi kandungan dan struktur seminar berkenaan akan dikekalkan.

"Seminar itu adalah hak Muslim untuk mempertahankan akidah daripada mana-mana perkara yang boleh menjurus kepada gejala murtad. Itu tanggungjawab kita," Bernama Online memetik kenyataan pegawai yang enggan mendedahkan identitinya.

Isu berkenaan seminar tersebut telah menerima kritikan daripada komuniti bukan Muslim, yang terkejut kerana tajuk seminar itu menyebut berkenaan Kristian.

Ketua panel hubungan agama Kabinet, Datuk Azman Amin Hassan berkata "tajuk yang provokatif" itu bertentangan dengan minggu harmoni agama yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin bulan lalu.

Tambahnya, "tindakan mengukuhkan akidah tidak salah, tapi seminar sedemikian "akan menyebabkan [komuniti bukan Islam] rasa tidak selesa."

Majlis Perundingan Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Tao (MCCBCHST) turut menuntut kerajaan menjelaskan pelaksanaan program yang mendapat "kritikan" itu.

Kumpulan Muslim bagaimanapun, menegaskan seminar sedemikian adalah perlu bagi menghalang ancaman gejala murtad, yang mana menurut mereka tetap berlaku walaupun tida bukti mengesahkan perkara itu.

Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) turut menegaskan seminar tersebut adalah hak Muslim yang turut dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkasa sebelum ini turut menganggap penganjur adalah pengecut sekiranya mereka mengalah terhadap tekanan politik mengubah tajuk seminar itu.

Kristian membentuk 9.2 peratus daripada populasi 28.3 juta rakyat Malaysia.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kristian dan Muslim seringkali bertelagah dalam isu berkenaan perkataan "Allah", yang mana mereka menegaskan perkataan itu adalah eksklusif untuk mereka yang mana Islam adalah monoteistik dan perkataan "Allah" adalah merujuk kepada tuhan Muslim.

Kristian turut mempersoalkan "Allah" adalah perkataan arab yang turut digunakan agama lain seperti Yahudi, yang merujuk kepada Tuhan termasuk Arab dan Indonesia.

Kumpulan konservatif Muslim turut menuduh Kristian bertanggungjawab dalam cubaan memurtadkan orang Islam dan situasi tersebut menimbulkan ketegangan antara kedua-dua agama tersebut.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mufti-johor-seminar-pengukuh-an-akidah-tidak-libatkan-politik/>